



## Muzium Sebagai medium Penyebaran Maklumat

**U**mum memaklumi bahawa muzium ialah tempat untuk menyimpan pelbagai khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa sesebuah negara. Secara etimologi, istilah muzium berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *muoseion* yang bermakna tempat suci yang dapat menghiburkan para pengunjungnya. Muzium merujuk nama kuil sembilan Dewi Muses, yakni merupakan anak kepada Dewa Zeus yang melambangkan ilmu dan kesenian. Anak perempuan Dewa Zeus diarahkan untuk menjaga hal berkaitan dengan kesenian, sejarah, epik, lirik syair, tarian, astronomi dan keagamaan. Di tempat suci ini dipamerkan hasil kerja seni rakyat yang mempunyai perkaitan langsung dengan peristiwa lampau yang dianggap gemilang dan amat membanggakan.

### Sejarah Awal Penubuhan Muzium

Kewujudan muzium pada awal penubuhannya merupakan sebagai tempat untuk para ilmuwan dan ahli falsafah berkumpul serta bertukar-tukar pandangan. Segala bahan berkaitan dengan sejarah, seni, budaya, astronomi dan keagamaan dikumpulkan untuk dijadikan sebagai bukti kewujudan bahan kajian yang dilakukan. Sehubungan dengan itu, perpustakaan sering diwujudkan selaras dengan penubuhan sesebuah

muzium untuk menempatkan segala penulisan dan hasil kajian serta rekod bahan sejarah terdahulu. Muzium Alexandria, Mesir dipercayai merupakan muzium pertama yang ditubuhkan di dunia, iaitu pada sekitar kurun ketiga oleh Ptolemy II. Pembuktian penubuhan muzium ini disebabkan oleh penemuan inskripsi yang ditulis oleh Tiberius Claudius Balbilus dari Rom pada sekitar tahun 56 SM. Terdapat juga sumber yang menyatakan bahawa muzium tersebut dibangunkan

pada tahun 283 SM oleh Ptolomeus I Soter.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1925, seorang ahli arkeologi bernama Leonard Wolley yang bertugas di Muzium Ashmolean, Oxford, England dikatakan telah menjumpai penemuan yang luar biasa, iaitu Muzium Ennigaldi yang didakwa muzium purba pertama di dunia secara tidak sengaja semasa menjalankan kerja ekskavasi sebuah istana di Babylon. Muzium ini dipercayai dibina pada tahun 530 SM oleh Puteri Ennigaldi, anak perempuan Raja Nabonidus, iaitu raja terakhir Empayar Neo-Babylon. Telah menjadi tradisi pada ketika itu, anak perempuan Raja Mesopotamia menjaga hal ehwal keagamaan dan ilmu pengetahuan. Pandangan ini dikemukakan oleh Wolley berdasarkan penemuan label muzium terawal yang ditemui oleh beliau pada kebuk silinder yang diperbuat daripada tanah liat yang ditulis dalam bahasa yang berbeza, iaitu bahasa Sumeria Purba dan bahasa Semitik yang lebih moden.

Menurut Wolley, penemuan artifak di Muzium Ennigaldi ini menunjukkan masyarakat pada ketika itu juga telah mengkaji sejarah dan beribu-ribu pengalaman manusia yang telah hidup dalam tempoh 2500 SM, sejak dari zaman kerajaan Ur lagi. Penemuan label terawal pada artifak purba seperti kebuk dan gendang daripada tanah liat yang ditemui oleh beliau merupakan bukti kejatuhan Empayar Rom. Beliau berpendapat bahawa kemungkinan label tersebut telah disediakan 100 tahun atau lebih awal daripada itu dan disimpan, mungkin bersamaan dengan tarikh tinggalan batu bata asal yang beliau anggap sebagai rekod penggalian saintifik pertama

di Ur. Wolley juga sangat kagum dengan kehebatan bidang arkeologi di Ur, dan beliau berasakan muzium ini yang paling kuno, tetapi telah mendahului muzium moden yang pertama.

### **Perkembangan Muzium**

Kini, institusi muzium semakin berkembang pesat dalam era globalisasi. Jumlah penubuhan muzium juga semakin bertambah. Peningkatan jumlah ini mungkin disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai terhadap peranan dan fungsi muzium yang dilihat semakin mencabar dalam meniti arus kemajuan teknologi dan digitalisasi. Boleh dikatakan hampir setiap negara di seluruh dunia mempunyai muzium. Di sini jelas memperlihatkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh institusi muzium dalam pentadbiran dan perkembangan sesebuah negara.

Di negara Barat, penubuhan sesebuah muzium dilihat sama pentingnya dengan pusat pentadbiran, pendidikan dan keagamaan. Dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini, didapati kira-kira 600 buah muzium baharu telah ditubuhkan di Amerika Syarikat dan lebih kurang 1000 buah muzium baharu termasuklah yang telah lengkap dinaikkan taraf terdapat di United Kingdom. Pada masa yang sama, terdapat beratus-ratus lagi projek penubuhan muzium utama telah ditubuhkan di seluruh negara Eropah dan Asia.

Pada asalnya, sesebuah muzium ditubuhkan untuk mengumpulkan koleksi unik dan berharga sebagai simbol kekayaan dan status sosial seseorang. Hal ini juga bertujuan untuk memperlihatkan pengaruh dan kuasa seseorang. Antara golongan yang gemar

mengumpulkan koleksi unik dan berharga ini termasuklah golongan keluarga istana, ahli gereja (terutama paderi) dan golongan bangsawan.

Kemudian, muzium menjadi tumpuan para sarjana dan ahli akademik berkumpul untuk bertukar-tukar fikiran dan mengkaji ilmu tentang sejarah, falsafah, sastera, fizik, matematik dan sebagainya. Misalnya di Muzium Alexandria, Mesir yang ditubuhkan pada kurun ke-3, pemerintahnya berazam untuk membawa negaranya menuju ke arah peradaban yang tinggi sehingga memerintahkan rakyatnya menyalin seluruh buku di dunia untuk dijadikan koleksi sehingga kota Alexandria disebut sebagai kota intelektual. Buku turut dipinjam daripada para pedagang yang singgah di pelabuhan Alexandria dan ditulis kembali di atas gulungan kertas papirus untuk disimpan. Antara koleksinya yang terkenal dalam bidang seni dan sastera termasuklah *Aratos* dan *Sophocles*, buku-buku falsafah Plato dan Aristoteles, *Hecataeus* dan *Herodotus* dalam bidang sejarah, *Archimedes* dan *Hypatia* dalam bidang fizik, *Medicine Corpus of Hippocrates* dan *Herophilus* dalam bidang perubatan (anatomi) serta yang paling berharga merupakan salinan *Undang-undang Roma Purba* yang ditulis 700 tahun sebelum kelahiran Nabi Isa.


Namun begitu, kebanyakan koleksi ini telah musnah akibat beberapa siri peperangan. Pertama, menurut dokumen berjudul *Kronik Perang Alexandria* karya Titus Livius, pemerintah Roma, Julius Caesar memerintahkan untuk membakar gedung itu dalam perang melawan Ptolomeus. Kebakaran itu menyebabkan hampir

seluruh penduduk membantu memadamkan api. Hal ini menunjukkan betapa sayangnya mereka kepada koleksi kepunyaan negara mereka sehingga sanggup membahayakan nyawa. Kedua, serangan yang dilakukan oleh bangsa Aurelian pada sekitar abad ke-3 SM; dan ketiga, rusuhan yang terjadi akibat kejatuhan Theophilus.

Pada abad ke-15, istilah *museum* muncul kembali di Eropah, tetapi tidak merujuk sebuah bangunan. Pada ketika itu, bidang kesenian dan sains sangat terkenal di Florence, Itali sehingga menjadi pusat intelektual yang terkenal. Perkataan *museum* dirujuk untuk menghuraikan dan menggambarkan koleksi milik Lorenzo de Medici, seorang ahli sains terkenal di Itali. Menjelang abad ke-17, istilah *museum* di Eropah digunakan untuk menggambarkan koleksi yang boleh membangkitkan atau mengundang perasaan ingin tahu.


Bermula dengan koleksi peribadi yang dikumpulkan oleh Ole Worm di Copenhagen, Denmark, beliau yang lahir pada 1588

di Aathus, Denmark telah banyak mengumpulkan koleksi alam semula jadi dan objek kebudayaan. Pada akhirnya, peninggalan koleksi beliau telah diserahkan kepada National Museum of Denmark yang dibina pada tahun 1819 dan menjadi asas kepada penubuhan muzium tersebut. Pada tahun 1683, Muzium Ashmolean ditubuhkan di Oxford, England dan merupakan muzium pertama yang dibuka kepada orang ramai. Asas penubuhan muzium tersebut berdasarkan koleksi botani yang dikumpulkan oleh John



Tradescents. Beliau telah mengembara ke seluruh Eropah, Rusia dan Kepulauan Mediterranean untuk mengumpulkan pelbagai spesies tumbuhan. Beliau mempunyai kebun tanaman yang besar di Lambeth (kini London Bourough) sehingga diberi gelaran “Tukang Kebun Diraja” oleh pemerintah Charles yang pertama pada tahun 1629.

Pada ketika itu, koleksi tumbuhan beliau telah dirujuk sebagai *museum*. Setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1638, segala koleksi tersebut diwariskan kepada anaknya, Elias Ashmole, iaitu seorang ahli botani. Pada tahun 1656, beliau telah menerbitkan katalog koleksi tumbuhan yang bertajuk *Musaeum Tradescantianum*. Pada tahun 1675, koleksi milik Elias Ashmole dipindahkan ke Universiti Oxford, dan pada tahun 1683, sebuah bangunan telah dibina bagi menampung simpanan koleksi tersebut yang dikenali sebagai Museum Ashmole.



## Perkembangan Muzium di Malaysia

Pada awal abad ke-20, muzium dikenali sebagai “sekolah gambar” oleh penduduk Tanah Melayu. Institusi muzium di Malaysia bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Residen British Perak pada ketika itu, Sir Hugh Low yang mengarahkan Leonard Wray Junior, seorang Pegawai Penguat Kuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan segala bahan berkaitan dengan sejarah, sosioekonomi, etnologi, geologi, botani dan zoologi. Pada ketika itu, pihak Inggeris berasakan perlunya sebuah pusat untuk mengkaji budaya dan adat resam setempat.

Tujuan mereka membina muzium adalah untuk memahami cara hidup masyarakat tempatan bagi memudahkan mereka mentadbir jajahannya. Selain itu, muzium turut dijadikan sebagai pusat rekreasi dan tempat pertemuan sosial komuniti penjajah. Malah, muzium juga menjadi satu daripada instrumen propaganda pihak Inggeris untuk memperlihatkan sumbangan penjajah kepada masyarakat yang dijajah.

Pada tahun 1888, Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak kedua, Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan. Walau bagaimanapun, bangunannya hampir musnah akibat terkena ledakan bom yang digugurkan oleh kapal terbang B29 tentera bersekutu pada 10 Mac 1945, iaitu pada akhir Perang Dunia Kedua. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara

dibina di atas tapak yang sama dan dirasmikan penubuhannya pada 31 Ogos tahun 1963.

Mutakhir ini, penubuhan muzium di Malaysia semakin berkembang pesat. Setiap muzium mempunyai objektif penubuhannya yang tersendiri dan dibina dengan berpaksikan kekuatan koleksi yang amat tinggi nilai sejarahnya. Berdasarkan statistik terkini oleh Jabatan Muzium Malaysia, kini negara kita mempunyai sebanyak 232 buah muzium di seluruh negara termasuklah muzium di bawah kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, institusi dan agensi kerajaan, institusi pendidikan, pihak swasta dan persendirian.

Data ini memperlihatkan kepentingan muzium dalam usaha mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara ini. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan untuk tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri sesuatu bangsa.

Muzium merupakan medium yang terbaik untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat melalui program pendidikan yang diadakan seperti pameran, seminar, bengkel, pameran dan forum. Bukan itu sahaja, muzium juga boleh memainkan peranan dalam membangkitkan rasa perpaduan dalam kalangan masyarakat dengan melibatkan diri mereka melalui program yang diatitkan oleh muzium. Misalnya, melalui program seperti “Bermalam di Muzium” yang melibatkan generasi muda,

**Muzium merupakan medium yang terbaik untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat melalui program pendidikan yang diadakan seperti pameran, seminar, bengkel dan forum.**

Pameran Sempena Tahun Baharu Cina dan Pesta Cahaya (Deepavali).

Muzium bukan sahaja mampu mendidik masyarakat untuk mengenali dan menghayati budaya masing-masing, malah bertujuan untuk memahami budaya kaum lain dengan tujuan persefahaman dan perpaduan. Kini, fungsi muzium semakin berkembang selaras dengan kehendak masyarakat yang semakin kompleks. Perkara ini telah banyak menyumbang terhadap peningkatan ekonomi negara, terutamanya sektor pelancongan. Aktiviti yang dijalankan pula merupakan satu daripada tanggungjawab sosial muzium terhadap masyarakat dan negara. Muzium juga merupakan duta untuk memperkenalkan Malaysia pada mata dunia. Kemajuan ini merupakan simbol kejayaan dan ketamadunan sesebuah masyarakat.

Namun begitu, sejauh manakah kita menyedari akan kepentingan muzium terhadap masyarakat? Lihat sahaja dengan kecanggihan teknologi yang mampu menyediakan maklumat kepada kita hanya dengan di hujung jari sahaja. Kemunculan Internet yang dikatakan tidak mempunyai sempadan ini membolehkan masyarakat mudah mendapat pelbagai maklumat yang dikehendaki. Oleh itu, muzium juga harus berjalan seiring dengan

kemajuan teknologi agar tidak ketinggalan dengan kehendak masyarakat. Kini, pelbagai maklumat disediakan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, X dan Tik Tok. Hal ini dapat memudahkan masyarakat membuat carian maklumat dengan lebih cepat.

**Muzium tidak seharusnya dilihat sebagai destinasi lawatan hanya apabila tiba musim cuti persekolahan, tetapi harus digunakan sebaik-baiknya oleh masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan.**



Sejarah telah membuktikan bahawa muzium merupakan tempat terbaik untuk para ilmuwan dan sejarawan berkumpul bertukar-tukar pendapat. Muzium mempunyai perkaitan rapat dengan institusi pendidikan. Kedua-dua entiti ini sebenarnya saling berkaitan dan melengkapi antara satu dengan lain kerana institusi pendidikan memerlukan muzium sebagai alat bantu mengajar. Muzium pula memerlukan institusi pendidikan sebagai medium untuk mendidik dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat, terutamanya generasi muda tentang sejarah, seni, budaya dan warisan bangsa.

Muzium tidak seharusnya dilihat sebagai destinasi lawatan hanya apabila tiba musim cuti persekolahan, tetapi harus digunakan sebaik-baiknya oleh

masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan. Pembelajaran di dalam kelas hanyalah bersifat teori dan abstrak, berbanding dengan kaedah pembelajaran di muzium yang memberikan kesempatan kepada pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman serta mengalami keadaan sebenar.

Muzium juga mampu memberikan gambaran yang konkrit. Maka itu, muzium dapat menjadi media pendidikan yang efektif. Hal ini memberikan peluang keemasan kepada pelajar untuk lebih memahami dan menghayati sejarah negara sendiri dengan lebih berkesan dan mendedahkan diri kepada suasana penyelidikan persejarahan. Pelibatan institusi pendidikan dalam program anjuran muzium merupakan

suatu perubahan yang baik untuk memberikan kefahaman terhadap pelajar tentang peristiwa masa lalu daripada pelbagai sudut dan perspektif.

Perkara ini akan membuka minda pelajar dan membentuk fakulti keintelektualan dalam diri mereka. Kaedah ini akan membuatkan pelajar lebih sedar terhadap persekitaran sejarah. Ruang dan suasana pembelajaran yang berbeza mampu menarik minat dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Selain itu, hal ini juga dapat membentuk nilai dan sikap patriotik dalam kalangan pelajar. Malah, muzium dapat memberikan satu lagi dimensi dalam pendidikan, iaitu sebagai satu alternatif pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. 